

aab

Mahathir - Kenyataan

MAHATHIR KATA SESIAPA SAJA BEBAS INTERPRETASI KENYATAANNYA

KEMAMAN, 26 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sesiapa sahaja bebas membuat apa-apa interpretasi terhadap kenyataan-kenyataannya menjelang pemilihan UMNO November ini.

"Adalah menjadi hak mereka (rakyat) dalam negara yang bebas untuk membuat apa-apa interpretasi.

"Kadang-kadang saya kata tidak, mereka kata ia bermaksud ya, bila saya kata ya, mereka kata ia bermakna tidak," kata beliau pada persidangan akhbar selepas merasmikan Kilang Perabot Pasang Siap Pesama-MK Furniture Sdn Bhd di sini.

Dr Mahathir telah ditanya tentang pelbagai interpretasi yang telah dilakukan terhadap kenyataan-kenyataannya dan tindakannya menjelang perhimpunan agung UMNO itu.

Perdana Menteri juga mengakui bahawa yang turut menjadi masalah ialah kecenderungan media massa untuk mencondongkan laporan mereka. -- lagi.

▼26/08/17-50MS*

U GB 26-08 00168 BA774

aab

Mahathir - Kenyataan 2 Kemaman

"Slant (condong)... itulah masalahnya," katanya.

Bagaimanapun beliau enggan menjawab soalan pemberita sama ada laporan yang disiarkan oleh akhbar-akhbar tempatan mengenai pemilihan itu sejak kebelakangan ini adalah yang berbentuk putar-belit.

"Saya tak boleh kata apa-apa, nanti akhbar hentam saya pula," katanya.

Mengenai kenyataan Timbalan Presiden UMNO Encik Ghafar Baba yang menegaskan beliau tetap akan mempertahankan jawatannya itu seperti yang diumumkan olehnya semalam, Dr Mahathir berkata beliau tidak lagi ada apa-apa yang hendak dikatakan mengenainya.

"Saya ada kata kalau boleh... kalau tak boleh, apa nak buat," katanya sebagai menjawab soalan pemberita yang mengutip kembali kenyataannya yang lepas yang menyarankan agar seorang daripada dua orang yang akan bertanding jawatan Timbalan Presiden itu tidak meneruskan hasratnya.

Mengenai garis panduan yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, Dr Mahathir berkata beliau (Sarji) hanya menjalankan tugasnya kerana telah timbul banyak persoalan tentang penglibatan pegawai-pegawai kerajaan dalam politik. -- lagi.

▼26/08/17-53MS*

U GB 26-08 00107 BA775

aab

Mahathir - Kenyataan 3 (akhir) Kemaman

Ahmad Sarji hanya menjelaskan yang boleh dan yang tidak boleh dilakukan oleh pegawai-pegawai kerajaan serta mengingatkan pula tentang tanggungjawab mereka, katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata tidak menjadi kesalahan jika pegawai-pegawai kerajaan yang termasuk pegawai-pegawai Kemas menjalankan tugasnya untuk menerangkan dasar-dasar kerajaan demi mempertahankan kerajaan yang ada.

Bagaimanapun, tidak boleh misalnya, mengemukakan kepada umum calon-calon tertentu patut dipilih untuk mewakili Dewan-dewan Undangan Negeri tertentu, katanya sebagai menjawab soalan pemberita tentang peranan pegawai-pegawai kerajaan khususnya kakitangan Kemas pada kempen pilihan raya kecil kawasan Batu Palam. -- Bernama

AWA JM AHH NMO

▼26/08/17-56MS*